KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA@TUARAN PERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memperkukuh agenda pembangunan luar bandar melalui penganjuran **Program Sentuhan Kasih Desa@Tuaran** yang berlangsung selama dua hari pada **14 dan 15 November 2025** di **Pusat Latihan RELA, Tuaran, Sabah**.

Sentuhan Kasih Desa merupakan inisiatif pemerkasaan ekonomi usahawan KKDW yang berfungsi sebagai platform bersepadu menghimpunkan usahawan bimbingan agensi di bawah KKDW dalam memacu pemerkasaan ekonomi usahawan luar bandar melalui promosi jualan usahawan, akses khidmat sokongan serta pendedahan peluang pasaran yang lebih luas.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **YAB Datuk Seri Panglima Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah**.

Dalam majlis ini, YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyempurnakan **penyerahan kunci replika kepada penerima bantuan Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** di bawah kategori Bina Baharu sebagai simbol komitmen kerajaan memperkukuh kesejahteraan perumahan desa. **Sepanjang tahun 2025, Negeri Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM136.02 juta** di bawah **PPRS** melibatkan **852 unit Bina Baharu** dan **2,729 unit Baik Pulih**. Daripada jumlah tersebut, **Parlimen Tuaran** menerima **RM6.591 juta** bagi **43 unit Bina Baharu** dan **123 unit Baik Pulih**.

Usaha memperkasa daya saing usahawan turut diperkukuh melalui penyerahan cek replika kepada **wakil** penerima geran **Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB)**, **bernilai RM1.521 juta yang memberi manfaat kepada 288 usahawan di negeri Sabah bagi tempoh 2023 hingga 31 Oktober 2025** bagi meningkatkan kapasiti, penjenamaan dan kebolehpasaran produk tempatan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my

Sebagai pelengkap intervensi sosial, YAB Timbalan Perdana Menteri telah menyampaikan **bantuan bakul makanan** secara simbolik bagi **5,000 penerima** merangkumi kumpulan **e-Kasih**, mangsa bencana, komuniti kelas **KEMAS** serta keluarga **B40** pelajar Tabika KEMAS.

Sepanjang program, pengunjung turut mendapat akses kepada **kaunter geran keusahawanan**, **khidmat institusi TVET KKDW**, **PKD Mobile**, serta perkhidmatan **GIATMARA** seperti gunting rambut dan servis penyaman udara kenderaan.

Sebanyak **2,000 kupon penggalak jualan** bernilai keseluruhan RM10,000 diedarkan **secara percuma** kepada pengunjung sebagai insentif berbelanja di reruai usahawan, sekali gus menyuntik rangsangan ekonomi setempat sepanjang program berlangsung.

Sentuhan Kasih Desa@Tuaran menerima penyertaan 240 orang anggota Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI (JKDM) Parlimen Tuaran bagi memperkukuh jalinan kerjasama dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat. Penyertaan para anggota JKDM ini diharap dapat memperkasa Komuniti Desa MADANI ke arah komuniti luar bandar yang lebih progresif dan sejahtera, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
15 NOVEMBER 2025